

BULETIN



SPRM
SURUHANJAYA PENCEGAHAN **RASUAH** MALAYSIA



SPRM BIL. 3/2015

ISSN : 1675-5170



OPS BS DAN OPS GERGAJI Bukti Keseriusan SPRM Perangi Rasuah

5 KOMITMEN POLITIK
Perkasa SPRM

10 LAWMAKERS' ROLE
To Give Greater
Strength for MACC



SIDANG REDAKSI

PENERBIT

Tan Sri Dr. Abu Kassim bin Mohamed

PENERBIT EKSEKUTIF

Datuk Mustafar bin Ali

PENASIHAT EDITORIAL

Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

KETUA EDITORIAL

Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

WARTAWAN

Faridah binti Mahabob

Siti Nor Khalilah binti Abdullah Halim

Bahagian Komunikasi Strategik

UNIT FOTO

Nur Irwan bin Abdul Rahman

Rosman bin Abu Bakar

Muhammad Multazam bin Mohd Shuhaini

Ahmad Faiz bin Mad Isa

EDARAN

Azizi bin Arifin

Yusof bin Mohamed Saberi

KONSEP DAN REKABENTUK GRAFIK

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd



KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI / KANDUNGAN	2
PENA PENGARANG	3
OPS BS DAN OPS GERGAJI	4
Bukti keseriusan SPRM perangi rasuah	
Komitmen politik perkasa SPRM	5
FRAUD DALAM PENYATA KEWANGAN:	7
Runtuhnya Empayar Enron Corporation	
dan Arthur Andersen	
LENSA	8
LAWMAKERS' ROLE	10
to give greater strength for MACC	
Tahniah	12
TAN SRI DR. ABU KASSIM MOHAMED	
REPORT DAPAT REWARD	13
E-DIARY bawa tuah kepada SPIRIT	14
BERITA NEGERI	15

PENCETAK

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd

No. 31, Jalan 2/148A, Taman Sungai Besi Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur.

Tel: 03 7987 0966 | Faks: 03 7984 0966

PENA PENGARANG

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kita masih diberi kesempatan sekali lagi untuk menyambut Ramadhan 1436H pada tahun ini.

Bulan Mei dan Jun menyaksikan beberapa kejayaan SPRM yang sudah semestinya membanggakan seluruh warganya. Segala pencapaian ini bukan hasil usaha mana-mana individu, tetapi atas kerja keras dan sumbangan semua pegawai dan kakitangan SPRM. Paling penting, ia tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan setiap lapisan masyarakat.

Kejayaan operasi boleh dilihat menerusi Ops Gergaji di Sarawak dan Operasi Bersepadu (Ops BS) di Sabah. Ops Gergaji bertujuan membanteras aktiviti pembalakan haram di Sarawak, manakala Ops BS bagi membanteras penyelewengan minyak bersubsidi serta penyeludupan rokok dan arak.

Dalam kedua-dua operasi tersebut, sejumlah akaun syarikat dan individu yang terlibat bernilai lebih RM1.2 bilion telah dibekukan. Tindakan SPRM ini mendapat pujian masyarakat dan jelas memberi mesej mengenai keseriusan SPRM dalam membanteras jenayah rasuah di negara ini.

Dalam aspek pencegahan, Ikrar Integriti Korporat (CIP) terus mendapat perhatian. Jumlah syarikat, agensi dan organisasi yang menandatangani CIP bertambah. Sehingga 30 Jun 2015, jumlah penandatangan CIP adalah 577.

Pada 9 Mei 2015, SPRM amat berbangga apabila Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Abu Kassim dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang sempena



Segala pencapaian ini bukan hasil usaha mana-mana individu, tetapi atas kerja keras dan sumbangan semua pegawai dan kakitangan SPRM.

Istiadat Konvokesyen, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Ke-82 di Shah Alam. Beliau merupakan Ketua agensi penguat kuasa pertama Malaysia mendapat anugerah pengiktirafan tertinggi akademik itu.

Satu lagi pencapaian SPRM yang tidak kurang hebatnya adalah apabila penyertaan Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM dalam Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Peringkat Jabatan Perdana Menteri berjaya merangkul tempat kedua kategori teknikal menerusi projek 'e-Diary'.

TAHNIAH kepada semua warga SPRM! Dengan kesungguhan dan komitmen yang berterusan, sudah semestinya banyak lagi kejayaan SPRM pada masa akan datang.

Sekian.

Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial

OPS BS DAN OPS GERGAJI BUKTI KESERIUSAN SPRM PERANGI RASUAH



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama beberapa agensi penguat kuasa termasuk pihak berkuasa Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom), Pasukan Gerakan Am (PGA), Kementerian Perdagangan dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Bank Negara Malaysia telah melancarkan dua operasi berasingan di Sabah dan Sarawak.

Operasi yang dijalankan ini merupakan hasil maklumat risikan yang diperoleh oleh SPRM dan agensi-agensi penguat kuasa yang terlibat.

Di Sabah, Ops Berspadu atau ringkasnya Ops BS dijalankan ke atas 43 lokasi secara serentak. Ops BS dilancarkan bagi membanteras kegiatan rasuah, penyelewengan diesel bersubsidi.

Hasil daripada serbuan tersebut, sebanyak 1,623 akaun dibekukan manakala wang tunai dan barang kemas bernilai lebih RM1 juta dirampas SPRM.

Siasatan ini dijalankan di bawah seksyen 17(a) dan 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Di Sarawak, Ops Gergaji dijalankan SPRM bersama-sama sekurang-kurangnya 400 pegawai dan anggota daripada Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak, Polis Diraja Malaysia termasuklah Pasukan Gerakan Am, Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sebanyak 48 lokasi diserbu, 27 daripadanya adalah kilang papan dan logponds, selebihnya adalah premis-premis perniagaan yang terletak di enam kawasan seperti yang berikut:-

BIL	KAWASAN	BILANGAN
1	Miri	13
2	Kuching	12
3	Sibu	12
4	Bintulu	6
5	Bakun	3
6	Kapit	2
JUMLAH		48

Hasil serbuan ini, sebanyak 375 akaun syarikat dan individu bernilai lebih RM560 juta dibekukan dan lebih 500 batang kayu balak juga disita oleh pihak SPRM. Siasatan akan dijalankan di bawah seksyen 17(a) dan 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Kedua-dua operasi ini membuktikan keseriusan SPRM dalam menangani gejala rasuah. Melalui kedua-dua operasi juga SPRM berjaya menyelamatkan wang kerajaan yang dinafikan oleh penyagak-penyagak negara. ♀

Komitmen Politik Perkasa SPRM

Oleh: Zakaria Jaffar

DALAM pertemuan dengan pemimpin politik di Kelantan, khususnya wakil rakyat daripada Pas dan UMNO di Kota Bharu akhir Februari lalu, telah diberikan taklimat berhubung syor pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (PPSPRM) dan beberapa pindaan berkaitan undang-undang rasuah telah ditaklmatkan oleh SPRM.

Ahli-ahli Parlimen kedua-dua parti telah menzahirkan pendirian mereka akan menyokong jika pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan pembentukan suruhanjaya perkhidmatan SPRM dan soal pelantikan Ketua Pesuruhjaya di bawa ke Parlimen kelak.

Pendirian yang sama dilahirkan oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi bin Awang dalam pertemuan bersama SPRM. Pertemuan juga diadakan bersama ahli-ahli Parlimen DAP apabila mereka pada dasarnya telah melahirkan pendirian parti itu akan menyokong pindaan ini.

SPRM juga mengadakan pertemuan dengan Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC). Malah pertemuan bersejarah juga diadakan bersama ADUN BN dan pembangkang Sabah di Kota Kinabalu. Pertemuan dengan beberapa komponen BN, antaranya MCA dan Gerakan juga telah diaturkan.

Berdasarkan penjelasan yang telah diberikan, didapati hampir kesemua mereka yang hadir menerima keperluan untuk membentuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai SPRM seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Suruhanjaya Perkhidmatan Tentera.

SPRM dalam perancangan mengadakan pertemuan dengan pemimpin politik di semua peringkat. Sebagaimana semua sedia maklum pindaan ini memerlukan sokongan dua pertiga ahli Parlimen.

Syor menuju suruhanjaya ini juga telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

Ketika mengemukakan syor itu dua tahun lalu, Tan Sri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad, Pengurus Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah ketika itu berkata, melalui penubuhan suruhanjaya perkhidmatan yang khusus, SPRM boleh melantik pakar dan pegawai berkemahiran dalam usaha memerangi jenayah rasuah secara lebih berkesan. Ketua Pesuruhjaya SPRM juga tidak boleh dipecat sesuka hati kecuali menerusi tribunal khas.

“Penubuhan ini akan memberi lebih kuasa kepada SPRM untuk membuat keputusan tanpa campur tangan mana-mana pihak supaya SPRM benar-benar bebas dan telus, sekali gus menangkis persepsi rakyat terhadap badan bebas itu,” kata beliau.

Katanya: “Cadangan itu amat perlu kerana sebelum ini, SPRM terpaksa melalui Jabatan Perkhidmatan Awam untuk proses pengambilan petugas. Dengan suruhanjaya ini, seperti pasukan polis sekarang, SPRM akan lebih mudah mengambil pakar-pakar untuk perangi rasuah.”

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dianggotai oleh ahli-ahli Parlimen dari semua parti utama yang mempunyai wakil di Parlimen. Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai SPRM dan pelantikan Ketua Pesuruhjaya badan bebas ini akan menjadi kenyataan jika mendapat sokongan semua parti politik.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa bin Mohamed berharap parti-parti selain BN di Parlimen juga akan menyokong pindaan Perlembagaan Persekutuan kerana langkah ini penting untuk meningkatkan kewibawaan dan kebebasan SPRM, selain menaikkan imej Malaysia di persada antarabangsa.



Cadangan itu amat perlu kerana sebelum ini, SPRM terpaksa melalui Jabatan Perkhidmatan Awam untuk proses pengambilan petugas. Dengan suruhanjaya ini, seperti pasukan polis sekarang, SPRM akan lebih mudah mengambil pakar-pakar untuk perangi rasuah.

“Pindaan ini akan menaikkan imej negara, menjadikan SPRM lebih bebas, baik untuk pelaburan, menarik pelabur dari luar negara,” kata beliau yang juga Penggerusi UMNO dan Barisan Nasional Kelantan (BN) pada Program Keterlibatan Strategik bersama pemimpin tertinggi politik dan sesi taklimat khas kepada Ahli Parlimen dan ADUN UMNO anjuran SPRM.

Penolong Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin bin Hassan dalam satu wawancara khas TV3 pada Disember 2013 pernah melahirkan komitmen akan membawa syor itu kepada pemimpin Pas untuk mendapatkan sokongan penuh. Jika tidak mendapat sokongan, beliau dilaporkan sedia meninggalkan JKMR. Ini komitmen beliau. Penggerusi semasa jawatankuasa itu, Tan Sri Abu Zahar bin Ujang juga melahirkan pendirian yang sama.

SPRM sedang dan akan mengadakan pertemuan dengan pelbagai pihak dan parti-parti politik, peringkat negeri dan nasional, bagi membolehkan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai SPRM dan aspek pelantikan Ketua Pesuruhjaya.

SPRM yakin pertemuan seperti ini penting bagi mengeratkan hubungan dan kerjasama bagi mencegah rasuah seiring dengan slogan, ‘Anda Boleh Melakukan Perubahan, Perangi Rasuah’.

Dalam laporan tahunan 2012, JKMR antara lain menggariskan bahawa penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai SPRM yang bertanggungjawab bagi urusan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat dan penamatan perkhidmatan Pegawai SPRM adalah satu keperluan yang penting dan mustahak.

JKMR berpandangan bahawa isu berkaitan memerlukan tindakan yang segera daripada pihak kerajaan kerana SPRM memerlukan tenaga kerja profesional dan berkepakaran tinggi dalam pelbagai bidang bagi menangani pola jenayah rasuah yang semakin rumit dan merentasi sempadan antarabangsa.

Oleh kerana cadangan ini melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan, maka ia hanya akan dapat dicapai sekiranya majoriti dua pertiga ahli Dewan Rakyat menyokong pindaan ini.

Menurut laporan itu, ahli-ahli JKMR yang mewakili semua parti politik di Dewan Rakyat komited menyokong objektif ini.

Mengenai pelantikan Ketua Pesuruhjaya di bawah Perlembagaan Persekutuan, pada masa ini, jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik di bawah seksyen 5, Akta SPRM 2009, iaitu pelantikannya dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Ada pihak yang beranggapan bahawa keadaan ini tidak mencerminkan ketelusan dan kebebasan jawatan Ketua Pesuruhjaya itu sendiri.

Sehubungan itu, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM perlu diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan wajar dinaikkan tarafnya setanding dengan jawatan-jawatan penting negara seperti Ketua Hakim dan Ketua Audit Negara bagi menjamin ketelusan dan kebebasan SPRM.

Dengan cara ini, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM tidak dipengaruhi mana-mana parti politik yang memegang tumpuk pemerintahan negara. Syor ini juga dilihat akan meningkatkan imej dan masa depan SPRM. ↗

.....
Dato' Sri Haji Zakaria bin Jaffar. ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM.



SPRM menghargai kesemua pendirian ini. SPRM juga yakin pendirian yang sama akan dilahirkan oleh ahli-ahli Parlimen yang lain. Untuk itu mereka memerlukan penjelasan – yang akan diberi agar semua faham akan keperluan ini.

Meskipun sesetengah pihak khuatir SPRM akan mempunyai kuasa luas jika suruhanjaya perkhidmatan khusus dibentuk, tetapi mengambil kira peranan dan fungsi suruhanjaya-suruhanjaya lain di negara ini, SPRM yakin pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai SPRM akan memanfaatkan negara.

Malah, SPRM juga dipantau oleh lima badan bebas. Satu-satunya suruhanjaya atau agensi di Malaysia dipantau oleh badan bebas. Bukan satu tetapi lima badan bebas dengan keanggotaan lebih daripada 50 orang (berdasarkan pelantikan semasa).

Sebagaimana disebutkan oleh Dato' Seri Mustapa, Dato' Takiyuddin turut yakin pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Pegawai SPRM akan membaiki persepsi orang ramai mengenai kebebasan SPRM.

FRAUD DALAM PENYATA KEWANGAN: RUNTUHNYA EMPAYAR ENRON CORPORATION DAN ARTHUR ANDERSEN

Skandal antara syarikat sumber tenaga, Enron Corporation dan syarikat audit terkenal di dunia, Arthur Andersen merupakan antara skandal yang popular. Skandal yang melibatkan penipuan dalam penyata kewangan ini menarik untuk diterbitkan dalam buletin pada kali ini.

ENRON CORPORATION

Enron Corporation (Enron) merupakan sebuah syarikat sumber tenaga yang berpangkalan di Houston, Texas. Enron telah memulakan operasinya pada tahun 1985. Enron berjaya menjadi antara syarikat sumber tenaga yang mempunyai empayar yang besar. Namun, sayangnya ia tidak kekal lama.

Enron mula terlibat dengan masalah hutang yang disebabkan oleh kesilapan pengurusan dan keberhutangan yang serius. Masalah hutang ini disembunyikan daripada pengetahuan pemegang saham.

Di atas kertas dan di dalam laporan audit kewangan Enron dilihat sebagai sebuah syarikat yang sentiasa mempunyai keuntungan yang tinggi. Namun sebaliknya, Enron sebenarnya berhadapan dengan kerugian yang besar nilainya.

Andrew Fastow, Ketua Pegawai Kewangan Enron bertanggungjawab mencipta dan merangka segala tipu helah bagi mengelirukan pemegang saham dan orang ramai. Andrew telah mewujudkan laman sesawang palsu untuk sebuah syarikat yang kohnonya mempunyai hubungan perniagaan dengan Enron.

Andrew bagaimanapun akhirnya didakwa atas 78 kesalahan yang melibatkan penipuan, pengubahan wang secara haram dan konspirasi. Beliau mengaku bersalah atas dua tuduhan dan dijatuhi hukuman penjara selama 10 tahun.

ARTHUR ANDERSEN

Arthur Andersen, yang berpusat di Chicago merupakan salah sebuah daripada 5 syarikat perakaunan yang besar juga dikenali sebagai The Big Five selain daripada PricewaterhouseCooper, ToucheTohmatsu, Ernst & Young dan KPMG. Syarikat perakaunan ini menyediakan perkhidmatan perundingan, audit dan cukai kepada syarikat-syarikat besar. Arthur Andersen didakwa atas tuduhan menghalang keadilan dengan memusnahkan ribuan dokumen serta memadam emel dan fail syarikat milik Enron yang diperlukan bagi tujuan audit. Pada tahun 2002, Arthur Andersen menyerahkan lesenya sebagai syarikat akauntan awam selepas didapat bersalah atas tuntutan jenayah yang melibatkan Enron Corporation. Akibatnya 85,000 orang hilang pekerjaan. Kemudiaannya Mahkamah Agung US (Supreme Court) menarik balik perintah larangan mengaudit oleh kerana Arthur Andersen tidak diadili dengan sewajarnya dan Arthur Andersen kembali bebas menjalankan operasi. Walaupun Arthur Andersen masih wujud sehingga kini, namun reputasi syarikatnya terjejas teruk ekoran daripada skandal Enron.

MARK TO MARKET MENJERAT ENRON

Enron mengamalkan strategi perakaunan Mark to Market yang mana anggaran keuntungan masa hadapan daripada perjanjian yang dibuat direkodkan pada nilai tahun semasa. Hasil daripada

konsep perakaunan yang diguna pakai dan strategi yang tidak berjaya menyebabkan Enron mengalami kerugian yang sangat teruk. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan telah bertindak menyembunyikan kerugian yang dialami daripada pengetahuan pemilik dan pemegang saham. Di setiap suku tahun, pegawai syarikat melakukan penipuan dalam penyediaan laporan kewangan untuk mencipta ilusi keuntungan berbilion dolar.

Amalan perakaunan ini meningkatkan harga saham Enron ke tahap yang baru. Pada ketika itu, para eksekutif Enron terpaksa bekerja mengikut maklumat kewangan dalaman yang dicipta. Para eksekutif serta pekerja dalaman syarikat tahu tentang akaun luar negeri yang dicipta dan disembunyikan daripada pengetahuan pelabur.

BAGAIMANA SKANDALINI TERJADI

Pada tahun 2001 Enron menjana keuntungan sehingga 100 billion dolar daripada aktiviti perniagaannya. Keuntungan ini dipercayai diperoleh dengan cara fraud perakaunan dan dilakukan secara subhat dengan Andersen.

Kuil Nancy (Jabatan Perundangan Andersen) dan David Duncan (Rakan Subhat Akaun Enron) telah dinamakan sebagai individu-individu yang bertanggungjawab.

"Bukti-bukti yang ada pada kita menunjukkan bahawa Andersen tidak memenuhi tanggungjawab profesional yang berkaitan dengan audit yang menyata kewangan Enron, atau obligasi untuk membawa kepada perhatian Lembaga Enron (atau Jawatankuasa Audit dan Pematuhan) kebimbangan mengenai kontrak dalaman Enron ke atas urus niaga pihak yang berkaitan".

Pada 31 Mei 2005, dalam kes Arthur Andersen, Mahkamah Agung Amerika Syarikat telah sebulat suara mendapati firma itu tahu ia telah melanggar undang-undang atau tahu terdapat prosiding rasmi yang melarang pemusnahaan dokumen. Pendapat, yang ditulis oleh Ketua Hakim William Rehnquist, juga sangat sangsi dengan konsep kerajaan untuk "pujukan rasuah" -persuading seseorang untuk melibatkan diri dalam sesuatu perbuatan dengan tujuan yang tidak wajar walaupun tanpa mengetahui sesuatu perbuatan menyalahi undang-undang.

KESAN DARIPADA PENIPUAN

Kesan dari skandal ini, Enron Corporation telah dibubarkan dan diorganisasi semula menjadi Enron Creditors Recovery Corporation pada November 2004. Misi Enron Creditors Recovery Corporation adalah membangunkan semula dan mencairkan operasi dan asset tertentu untuk kepentingan pemutangnya.

Selain itu, skandal ini juga menyebabkan wujudnya satu akta yang digelar Sarbanes-Oxley Act 2002 yang digubal pada 30 Julai 2002. Akta ini juga dikenali sebagai Public Company Accounting Reform and Investor Protection Act' atau Reformasi Syarikat Perakaunan Awam dan Undang-Undang Perlindungan Pelabur. Akta ini dinamakan sempena Senator Amerika Syarikat, Paul Sarbanes dan Perwakilan Amerika Syarikat Michael G. Oxley. Akta ini bertujuan untuk menetapkan piawaian dan meningkatkan tadbir urus baik dalam pengurusan syarikat awam dan syarikat perakaunan awam.



LENSA



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bersama Dr. Anis Yusal berdiskusi semasa program Breakfast Talk bersama Institut Integriti Malaysia (IIM).



Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi, Dato' Sri Shukri bin Abdull turut sama melakukan pemeriksaan kesihatan yang diadakan sempena Perhimpunan Bulanan SPRM bagi bulan Jun 2015.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Zakaria bin Jaffar menyampaikan tazkirah selepas solat maghrib sempena upacara perasmian bangunan SPRM Negeri Sarawak.



Gandingan Skuad Didik SPRM dan Skuad Perodua Era sekali lagi berkolaborasi mengadakan jelajah ke negeri Pulau Pinang dalam usaha menyebarluaskan informasi berkaitan rasuah.



Lawatan Kerja daripada Delegasi *Commission for the Investigation of Abuse of Authority* (CIAA), Nepal.

Kuliah Perdana Dhuha yang disampaikan oleh Pencetus Ummah, Azihal bin Bangsawans.

Pertandingan mewarna peringkat kanak-kanak turut diadakan semasa Program Pemukiman Jalinan Silaturahim KUIS dan Penduduk Kg. Melayu Rasa, Selangor.

Antara penerima Sijil Penghargaan pada Sesi Sembang Santai Bersama Pengurusan Tertinggi sebagai tanda penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang sudi menderma darah.

LAWMAKERS' ROLE TO GIVE GREATER STRENGTH FOR MACC

By:Walter Sandosam

CORRUPTION IS ONE OF THE MOST POTENT HINDRANCES TO THE ECONOMIC DEVELOPMENT OF A COUNTRY. IT UNDERMINES THE RULE OF LAW, WEAKENS TRUST IN PUBLIC INSTITUTIONS AND CHALLENGES DEMOCRATIC PRINCIPLES. THIS IS A UNIVERSAL REALITY.

The battle against corruption has become more complicated and it should be tackled in a holistic manner. However, issues on corruption, more often than not, are being politicised and aimed to gain political mileage or to topple leaders and the government.

The government's commitment to fight corruption had been proven when the perceived toothless Anti-Corruption Agency was replaced by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) in 2009. The existence of the MACC as an independent enforcement agency is recognised by the international body, the United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC).

This is especially so when there are five independent oversight bodies, whose members include members of parliament from the ruling and opposition parties, representatives of non-governmental organisations, professional groups and former civil servants, established as a check and balance mechanism to monitor the functions of the MACC.

These bodies were established to monitor and to ensure that the MACC discharges its duty in an independent, transparent and professional manner as outlined by its founding act, the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (MACC Act 2009).

The chairman of one of the Commission's independent oversight bodies, the Anti-Corruption Advisory Board (ACAB), Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim in a press conference held recently has rejected the notion that the MACC is not independent. He stressed that the Board is determined to maintain the efficiency and integrity of the MACC.

Set up by the provision in section 13 of the MACC Act 2009, the terms of reference of the ACAB include to advise the Commission on all aspects of corruption in the country, to advise on policies and strategies of the Commission in order to eradicate corruption, and to receive, scrutinise and endorse proposals from the Commission towards the efficient and effective running of the Commission.

The Board also scrutinises and endorses MACC's resource needs and its annual report before submitting it to the Special Committee on Corruption (SCC).

The ACAB chairman has also urged the public not to be judgemental of the Commission just based on the number of prosecutions. Fighting corruption is a lot more complex than curbing crimes like murder or robbery.

The challenges faced by enforcement agencies including the MACC are even greater in today's world

of advanced information technology when the crimes of corruption are committed through many channels and modus operandi. It is even more complex and sophisticated when the crime committed transcends national boundaries.

The intensity of these challenges requires the MACC to maintain its unwavering commitment in executing its function and responsibilities to incessantly eradicate all forms of corruption, abuses of power and malpractices.

The MACC has undertaken its transformation programme and has introduced and implemented numerous initiatives since its establishment. These initiatives were undertaken in order to achieve the Commission's aspiration, which is to strengthen the confidence and enhance domestic and international perception on the effectiveness of the MACC in combating corruption based on the principles of independence, transparency and professionalism.

The MACC has on many occasions, which is also stressed in the ACAB and SCC annual reports, called

that members of the administration and civil servants do not manipulate any weaknesses found in the current provisions of the law, especially those involving the provision of tenders, contracts, awarding of government projects and land alienation.

One of the constraints the MACC faces continuously is to investigate the financial and property ownership of individuals who have excessive wealth and are suspected of corruption. It should be incumbent upon an elected official or civil servant with a lifestyle which is manifestly unsupported by his/her known sources of income to account for his/her wealth. In this regard, it is imperative to ensure that Section 36 of the MACC Act 2009 is amended to enable the Commission to compel individuals to declare their assets. Currently, there is no such provision.

MACC has also requested to amend its Act to include the provisions on misconduct in public office and corporate liability for acts of corruption.

Having said all these, it has to be emphasised that it is a massive task for one particular enforcement agency



“ The MACC has undertaken its transformation programme and has introduced and implemented numerous initiatives since its establishment. These initiatives were undertaken in order to achieve the Commission's aspiration, which is to strengthen the confidence and enhance domestic and international perception on the effectiveness of the MACC in combating corruption based on the principles of independence, transparency and professionalism. **”**

upon Members of Parliament to support the amendment to the Federal Constitution specifically to manage the appointment and termination of the MACC chief commissioner and to set up an independent service commission for the MACC. This is to increase its independence and effectiveness in fighting graft.

This proposal is not only recognised by the UN Convention Against Corruption (UNCAC), but it is a step that will meet the aspirations of the people who continuously demand for a higher commitment towards combating corruption.

The proposed amendment to Section 23 of the MACC Act 2009 should also be speeded up. This is to ensure

alone to tackle corruption. In this context, the MACC has to be given unfettered support and cooperation by all stakeholders collectively to eradicate this social menace.

Combating corruption should not fall solely on the MACC. It's a war the whole nation encompassing all levels of the rakyat should be involved in. We should not, at all costs, allow corruption to take root nor allow corruption to be a way of life on our soil. The penalty is too costly for us and for our future generations.

MACC is not the enemy - it is in the frontline in the war against corruption and its efforts should be augmented by a conducive legal environment which accords its greater strength in discharging its duties effectively. ☺



Tahniah

TAN SRI DR. ABU KASSIM MOHAMED

Ketua agensi penguat kuasa pertama Malaysia mendapat anugerah pengiktirafan tertinggi akademik.



Tan Sri Abu Kassim diarak semasa istiadat konvokesyen kali ke-82 UiTM di Shah Alam.

TAHNIAH Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang sempena Istiadat Konvokesyen, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Ke-82 di Shah Alam pada 9 Mei 2015. Penganugerahan yang membawa gelaran Doktor Falsafah tersebut disampaikan oleh Pro-Canselor UiTM, Tan Sri Dr. Haji Arshad Ayub di Dewan Agung Tuanku Canselor.

Beliau merupakan ketua agensi perkhidmatan awam pertama yang masih berkhidmat mendapat anugerah pengiktirafan tertinggi akademik oleh institusi pengajian tinggi tempatan.

Bagi beliau, ijazah tersebut amat bermakna kepada SPRM dan dirinya kerana ia bukan sekadar satu pengiktirafan malah menjadi satu tanggungjawab yang amat besar dan perlu dipikul bagi meneruskan perjuangan SPRM.

Beliau merakamkan terima kasih kepada UiTM yang memberi penghormatan tertinggi kepada saya dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor dalam bidang Undang-Undang.

Bagi beliau, pengiktirafan tersebut sungguh bermakna dan SPRM akan meneruskan amanah ini dengan tegas, telus, bebas dan professional dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Tambah Abu Kassim, pemerkasaan undang-undang rasuah wajar dilaksanakan melalui proses perubahan, penambahbaikan dan pematangan bagi meningkatkan keberkesanan SPRM dalam

melaksanakan tugas. SPRM tidak boleh berpuas hati dengan peruntukan sedia ada kerana jenayah menjadi semakin sopistikated dan kompleks.

Oleh yang demikian, pembaharuan dari segi perundangan perlu terus dilaksanakan sesuai dengan perubahan zaman dan keperluan semasa. Polemik sama ada SPRM mempunyai kuasa untuk menyiasat mana-mana individu yang dilihat hidup mewah atau di luar kemampuan sebenar seseorang diharap dapat diselesaikan bagi membolehkan SPRM berfungsi dengan berkesan dan efektif.

Persoalan ini sering dibangkitkan dan ia merupakan antara situasi yang masyarakat salah tafsir tentang keupayaan dan keberkesanan SPRM.

Hari ini ramai yang beranggapan bahawa SPRM ada kuasa untuk meminta mana-mana individu mengisyiharkan harta mereka namun mereka tidak mengetahui bahawa SPRM tidak boleh bertindak di luar Akta SPRM kerana bukan setiap maklumat atau aduan yang diterima mempunyai unsur rasuah.

Beliau berharap peruntukan khas berkaitan *misconduct in public office* dan liabiliti korporat dapat digubal. Beliau juga mengakui harapan orang ramai ke atas SPRM semakin tinggi.

Maka sudah tiba masa bagi rakyat Malaysia melihat semula kerangka undang-undang yang menyeluruh bagi menangani isu rasuah dan menyokong saranan Tan Sri Dr. Abu Kassim Mohamed. Tahniah Tan Sri. Teruskan kepemimpinan yang unggul dalam merakyatkan SPRM. ♦



REPORT DAPAT REWARD

Melaka merupakan sebuah negeri yang semakin maju dan membangun. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menaik taraf Melaka sebagai sebuah negeri yang bukan sahaja terkenal dan masyhur dengan sejarah kesultannya bahkan terkenal sebagai sebuah bandar yang berteknologi tinggi.

Memandang jauh ke arah arus pembangunan dan kemodenan pada hari ini, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir. Idris bin Haji Haron, tidak menolak akan wujud ruang dan peluang berlakunya rasuah. Oleh yang demikian, beliau bersama barisan Exco Negeri Melaka mengadakan permuafakatan bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menangani permasalahan ini.

Melalui perbincangan yang diadakan, Pejabat Ketua Menteri Melaka memutuskan untuk memberi ganjaran kepada kontraktor yang membuat aduan sekiranya wujud unsur-unsur rasuah atau berlakunya salah guna kuasa oleh pegawai daripada mana-mana agensi di Melaka. Ganjaran yang diberikan bukanlah dalam nilai ringgit sebaliknya mereka akan diberikan tender yang lebih baik daripada yang sedang mereka usahakan.

Menurut Datuk Seri Ir. Idris, ganjaran ini bertujuan mendidik orang awam terutama mereka yang terlibat dalam tender projek-projek kerajaan agar tidak gentar untuk membuat aduan sekiranya ada berlakunya salah laku rasuah. Tambah beliau, melalui usaha ini, beliau percaya jenayah rasuah di Melaka dapat dikurangkan. Langkah awal telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Melaka dengan penubuhan tiga Pusat Informasi SPRM di

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin. Untuk makluman, Pusat Informasi ini dibuka bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan mereka.

Datuk Seri Ir. Idris berkata, sebagai seorang Ketua Menteri adalah merupakan tanggungjawab beliau untuk meneruskan apa yang telah dilaksanakan oleh Ketua Menteri terdahulu.

“Memulakan sesuatu adalah lebih mudah daripada mengekalkan sesuatu yang telah sedia ada.”

“Memulakan sesuatu adalah lebih mudah daripada mengekalkan sesuatu yang telah sedia ada.”

Justeru, untuk mengekalkan apa yang telah sedia ada di Melaka seterusnya memajukannya, anasir-anasir buruk seperti jenayah rasuah dan salah guna kuasa perlu dibanteras.

Sewajarnya usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka ini dicontohi oleh negeri-negeri lain di Malaysia. Memetik kata Pengerusi Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR), “untuk mengubah persepsi rakyat Malaysia tentang rasuah, memerlukan kerjasama daripada semua pihak dan semua lapisan masyarakat. Persepsi tidak akan berubah jika hanya dengan usaha SPRM semata-mata.”



BAWA TUAH KEPADA SPIRIT

E-diary merupakan satu alternatif baru dalam usaha mengurangkan penggunaan kertas. Selain itu, ia juga merupakan satu sistem yang mesra pengguna kerana sistem boleh digunakan di mana sahaja tempat yang mempunyai talian internet. Melalui sistem ini juga pegawai penyelia dapat memantau pegawai dan kakitangan yang berada di bawah seliaannya.

Projek E-diary merupakan hasil kreativiti daripada pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM) daripada SPRM Ibu Pejabat yang menggelarkan kumpulan mereka sebagai SPIRIT. Projek yang berjaya membawa gelaran johan pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat SPRM.

E-diary akhirnya berjaya menjulang nama SPRM di peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM) apabila projek ini diangkat sebagai naib juara pertandingan KIK peringkat JPM. E-diary dilihat menjadi perintis kepada jabatan-jabatan lain untuk menggunakan kaedah yang sama dalam usaha kerajaan menjimatkan perbelanjaan agensi-agensi kerajaan.

Untuk makluman, ini merupakan pertama kali SPRM memasuki pertandingan KIK di peringkat JPM. Dalam pertandingan pada kali ini, SPRM diwakili oleh dua kumpulan iaitu SPIRIT dan K-Mac yang



mempertaruhkan buku sambung jamin bagi pesalah-pesalah rasuah. Kumpulan yang mewakili SPRM Kedah ini melakukan penambahbaikan ke atas kaedah sambung jamin yang hanya menggunakan kertas ketika ini. Selain, menyebabkan ia mudah hilang, terkoyak dan lusuh, penggunaan kertas juga dilihat tidak mempunyai kualiti. Kumpulan ini menerima pujian kerana menzhirkan suatu transformasi baharu dalam jabatan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada SPIRIT dan K-Mac atas kesungguhan mereka menyertai pertandingan ini. ♡

BERITA NEGERI

LAWATAN PPPR KE PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA.



2 JUN, Melaka – Buat julung-julung kalinya Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) iaitu salah satu daripada lima badan bebas yang memantau segala tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengadakan satu lawatan hormat ke pejabat Ketua Menteri Melaka di Seri Negeri.

Lawatan yang diketuai oleh Tan Sri Johan bin Jaaffar itu diadakan sebagai salah satu cara bagi menyalurkan informasi-informasi mengenai rasuah, penyelewengan dan salah guna kedudukan. Delegasi seramai 20 orang itu turut disertai oleh Dato' Prof. Dr. Chin Yew Sin, Dato' Khalid bin Ibrahim, Dato' Wan Mohamad bin Sheikh Ab. Aziz, Dato' Marimuthu Nadesan, Prof. Madya Dr. Ismail bin Sualman, Prof. Syed Noh bin Syed Noh dan Tuan Walter Sandosam serta Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Dato' Yusoff bin Akope, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato' Shamshun Baharin bin Mohamad Jamil, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Dato' Norazlan bin Mohamad Razali dan Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA), Junipah binti Wandi serta beberapa pegawai SPRM.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris bin Haron dalam ucapannya mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli PPPR ke Melaka. Beliau juga merasa bertuah kerana dikunjungi oleh sebuah agensi yang dikagumi ramai. Datuk Seri Idris turut memperincikan tentang struktur negeri Melaka, tindakan-tindakan yang sedang




dilakukan dan merangkumkan cadangan-cadangan yang bakal dilaksanakan untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang maju dan berteknologi tinggi. Antara pelan tindakan yang menarik perhatian adalah pelan pembanterasan rasuah yang mana tindakan yang dilakukan oleh negeri Melaka diyakini mampu membantu SPRM mengurangkan jenayah rasuah sekaligus mengubah persepsi orang awam terhadap penjawat-penjawat awam.

Dalam ucapan balas pula, Pengurus PPPR, YBhg. Tan Sri Johan bin Jaaffar menegaskan, kunjungan hormat tersebut diadakan bukanlah bertujuan untuk mencari kelemahan urus tadbir negeri Melaka tetapi sebaliknya bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan selain daripada memperkenalkan ahli-ahli panel. ♀

PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH

KATAKAN **TIDAK** PADA RASUAH



PERUBAHAN BERMULA DARIPADA KITA



E-mel : info@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
SMS : 019 6000 696
Talian bebas Tol : 1 800 88 6000

Anda
Boleh Lakukan Perubahan
PERANGI
Rasuah